

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 26 OKTOBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 6**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1523-MQT2427  
**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah dan inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu pekebun kecil getah yang kini berhadapan dengan cabaran harga getah yang rendah.
2. PR-1523-MQT2424  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan masih belum menyatakan pendirian dan tindakan yang lebih tegas dalam isu konflik di Palestin seperti mendesak agar Benjamin Netanyahu dihadapkan ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa.
3. PR-1523-MQT2417  
**Tuan Suhaizan bin Kaiat [ Pulai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah *ridership* perkhidmatan KTMB Shuttle Tebrau antara JB Sentral dan Woodlands, Singapura telah pulih ke tahap sebelum Covid-19. Apakah Kerajaan sedia berunding dengan Singapura untuk menambah kapasiti perkhidmatan daripada 36 trip dua hala kepada sekurang-kurangnya 50 trip demi memenuhi permintaan rakyat.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 26 OKTOBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 61**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1523-L22407  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peratusan pelaksanaan sistem pembayaran terbuka dalam rangkaian pengangkutan awam Lembah Klang terutamanya di dalam rangkaian Prasarana seperti LRT, MRT dan bas Rapid KL.
  
2. PR-1523-L22131  
**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :
  - (a) harga lantai getah pada masa kini; dan
  - (b) mengapa Kerajaan masih mengekalkan import getah dari Thailand, Vietnam dan Afrika.
  
3. PR-1523-L21284  
**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak seperti yang diumumkan oleh YAB Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2023.

## 4. PR-1523-L22610

**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan keterlibatan serius koperasi-koperasi berkaitan dengan sektor agromakanan bagi membantu negara menghadapi krisis bekalan makanan pada masa sekarang dan akan datang.

## 5. PR-1523-L22180

**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status projek pemulihan dan penaiktarafan sekolah daif di Sarawak.

## 6. PR-1523-L22040

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa syarikat individu Bumiputera yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berstatus pemilik tunggal tidak diberi status Taraf Bumiputera bagi pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia.

## 7. PR-1523-L21329

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang dilaksanakan Kementerian untuk memastikan penjara bukan sekadar tempat untuk pelaksanaan hukuman tetapi juga menjadi sebuah institusi bagi mendidik banduan supaya mereka dapat memulakan hidup yang baru apabila keluar kelak.

## 8. PR-1523-L21685

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada khidmat jururawat tempatan buat masa ini mencukupi atau tidak dalam perkhidmatan kesihatan negara sama ada Kerajaan dan swasta.

## 9. PR-1523-L21746

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai projek Lebuh Raya Pan Borneo pakej Sabah:

- (a) kaedah semasa (Perolehan dan Pembiayaan) yang diguna pakai bagi mempercepatkan pelaksanaan baki pakej Sabah; dan
- (b) mekanisme penilaian kontraktor yang lebih berkesan bagi menjamin mutu kualiti kerja dan sasaran garis masa projek.

10. PR-1523-L22531

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) keseriusan Kerajaan melaksanakan dan memperluas program RMT; dan
- (b) adakah Kementerian memantau kualiti makanan yang dijual oleh pengusaha kantin sekolah kerana terdapat pengusaha yang terpaksa mengurangkan kualiti makanan kesan kenaikan harga barang.

11. PR-1523-L22052

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pembentukan badan-badan pemantauan dan pelaksanaan pembaharuan Kertas Putih Kesihatan, khususnya pasukan petugas khas/suruhanjaya/jawatankuasa pemantauan serta kumpulan kerja teknikal (*technical working group*) sepetimana yang dikatakan dalam Kertas Putih Kesihatan.

12. PR-1523-L22511

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kerjasama antara Kerajaan dengan semua pemegang taruh membabitkan pihak syarikat dan penghantar makanan (*p-hailing*) telah dijalankan bagi menyelesaikan isu keselamatan yang membelenggu golongan tersebut di mana hampir 70% "rider" menunggang secara berisiko terutama pada waktu puncak.

13. PR-1523-L21461

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lutar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi dan pencapaian Kementerian dalam membanteras kegiatan judi dalam talian serta statistik jumlah kes mengikut negeri.

14. PR-1523-L22044

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) berapakah jumlah pelajar yang tercicir sekolah peringkat menengah, jumlah pelajar yang didapati terlibat dalam penagihan dadah dan jumlah pelajar yang dijangkiti STD; dan
- (b) *trend* pelajar yang terjebak dalam gejala sosial sejak 10 tahun kebelakangan ini dan perincikan jenis gejala.

15. PR-1523-L21831

**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Perak.

16. PR-1523-L22167

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah penipuan permohonan pinjaman termasuk pinjaman perumahan, kenderaan, SME dan pinjaman peribadi yang dikesan di sepanjang tahun ini. Apa langkah pencegahan dan tindakan yang telah diambil terhadap permohonan-permohonan ini.

17. PR-1523-L22128

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dalam daerah Hulu Langat dan sama ada terdapat perancangan untuk menambah jumlah PDK di dalam daerah Hulu Langat bagi menampung pertambahan penduduk.

18. PR-1523-L22082

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan bercadang menutup sekolah-sekolah yang mempunyai jumlah murid yang kurang daripada 30 orang murid.

19. PR-1523-L21185

**Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh mana platform *MyMall* yang dibangunkan Kementerian telah berjaya dihebahkan kepada rakyat, sehingga kini berapa jumlah akses rakyat ke atas aplikasi tersebut dan berapa banyak nilai jualan yang telah berjaya dijana dari platform tersebut.

20. PR-1523-L21952

**Dato' Sri Saifuddin Abdullah [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar Pendidikan Digital dan kurikulum Pendidikan Digital serta adakah Kerajaan sudah memberikan latihan kepada para guru, menyediakan peralatan dan ekosistem yang bersesuaian bagi memastikan dasar ini dapat dilaksanakan dengan lancar, selesa dan berkesan.

21. PR-1523-L22074

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi mempercepatkan proses penyelesaian isu taraf kewarganegaraan khususnya di Sabah memandangkan ianya memberikan impak negatif tehadap isu keciciran pendidikan sehingga merencatkan peluang kerjaya individu-individu yang terlibat di masa hadapan.

22. PR-1523-L22441

**Dr. Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini penangguhan pengeluaran kad pengenalan kanak-kanak (MyKid) bagi bayi baru lahir ekoran masalah bekalan mikrocip dan apakah inisiatif Kerajaan bagi memastikan masalah ini dapat diselesaikan dengan segera memandangkan penggunaan MyKid sangat diperlukan di jabatan-jabatan Kerajaan.

23. PR-1523-L21799

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan piawai yang diguna pakai dalam pengambilan pelajar lepasan SPM ke program matrikulasi sesi 2023 dengan menyatakan keputusan minima pengambilan, taburan bilangan pelajar yang berjaya mengikut lokasi sekolah sama ada bandar atau luar bandar, kaum, dan pendapatan keluarga.

24. PR-1523-L21186

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan Lesen Rahmah dan rebat takaful dan komprehensif bagi pemain gig ekonomi e-hailing.

25. PR-1523-L21270

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini Projek Pembinaan SMK Serian No.2 dan SK Sri Sadong.

26. PR-1523-L22119

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk menambah laluan Bus Rapid Transit (BRT) di Lembah Klang dan sekiranya ada, garis masa pelaksanaan rancangan tersebut.

27. PR-1523-L22084

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu bank data vaksin bagi setiap profil rakyat di dalam aplikasi MySejahtera dengan pengguna seramai 38 juta rakyat Malaysia untuk meningkatkan pendidikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

28. PR-1523-L22232

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan terhadap kes kekecohan di KLIA yang melibatkan seorang Menteri pada Jun lepas dan apakah langkah penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) susulan daripada insiden tersebut.

29. PR-1523-L21604

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk menaikkan harga lantai getah sekiranya yang kini berada pada paras RM2.70 kepada nilai yang berpatutan susulan penurunan dan ketidakstabilan harga komoditi dunia.

30. PR-1523-L21587

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula buku-buku teks sejarah kepada sebuah buku teks yang menceritakan kisah sejarah yang betul.

31. PR-1523-L21246

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasrat Kerajaan untuk meminda dan menambah baik Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

32. PR-1523-L22650

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kesan ekonomi daripada penganjuran Program Citra Nusa @ Muzium Matang yang berlangsung pada 8 - 10 September 2023 baru-baru ini. Adakah Ahli Parlimen Bukit Gantang sememangnya tidak layak sebagai tetamu jemputan.

33. PR-1523-L21276

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pusat penjagaan dan penempatan Orang Kurang Upaya (OKU) yang terdapat di Sarawak dan pendirian Kementerian dalam menubuhkan pusat penjagaan dan penempatan untuk di Miri atau bahagian utara Sarawak demi meningkatkan kesejahteraan masyarakat di negeri Sarawak.

34. PR-1523-L22576

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tindakan pihak Kementerian dalam usaha memperbanyak inisiatif keusahawanan berdasarkan inovasi produk dan teknologi baharu di kala Malaysia berada di tangga ke-130 daripada 137 buah negara yang tersenarai dalam Indeks Keusahawanan Global 2022.

35. PR-1523-L21357

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan cukai keuntungan luar biasa ke atas industri kelapa sawit kerana syarikat yang mengalami kerugian juga terkena cukai ini akibat formula perculaian Kerajaan adalah berlandaskan jumlah jualan dan bukannya keuntungan.

36. PR-1523-L21613

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar tanpa sijil SPM sama ada tidak mengambil SPM atau tidak lulus subjek wajib serta langkah-langkah Kementerian untuk membantu golongan ini mendapatkan sijil serta langkah selanjutnya bagi membantu mereka.

37. PR-1523-L22660

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah pihak Kementerian dalam menangani isu kesesakan di klinik kesihatan bagi memberikan keselesaan buat pengguna di kawasan Parlimen Putatan.

38. PR-1523-L21515

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini masalah kekurangan dan kekosongan guru di Sarawak. Apakah perancangan dan tindakan terkini pihak Kementerian untuk mengisi kekosongan berkenaan termasuk di kawasan Parlimen Igan.

39. PR-1523-L22255

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk menangani isu pendidikan yang melibatkan sekolah murid yang sesak, silibus yang tinggi dan padat dan skop kerja guru yang terlalu banyak demi memastikan rakyat dan ibu bapa berasa lebih yakin untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama.

40. PR-1523-L21106

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bantuan yang dibayar oleh MySalam kepada pesakit-pesakit dalam tahun 2021 dan 2022 dengan pecahan bayaran untuk masuk hospital dan bantuan kepada penyakit kronik yang serius.

41. PR-1523-L21103

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah agensi-agensi Kementerian seperti TEKUN telah dapat membangunkan ramai peniaga-peniaga usahawan kecil dan sederhana.

42. PR-1523-L21321

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah akan ada perekaan semula pakaian seragam polis termasuk kep dan kasut agar lebih sesuai untuk menghadapi cuaca panas dan lembap. Mengapa penggunaan kamera badan pada anggota polis masih belum dilaksanakan.

43. PR-1523-L21541

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan bagi menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan, yang melibatkan akses, kesaksamaan, tempoh bertindak bagi mengurangkan mortaliti dan morbiditi.

44. PR-1523-L21159

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap kesiapsagaan tren-tren ETS, Komuter, KTM, LRT, MRT3, dan monorel dengan pecahan terperinci mengikut jenis kerosakan dan kos pembaikian, contohnya tingkap komuter menakung air.

45. PR-1523-L21508

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah lesen perbankan/perkhidmatan kewangan baru akan diberikan kepada pemain baru agar isu kekurangan pembiayaan kewangan untuk industri kecil dan sederhana (IKS) dapat diatasi.

46. PR-1523-L21136

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk mengurangkan kesesakan trafik di Lembah Klang memandangkan penduduk menghabiskan masa sekurang-kurangnya 44 jam sebulan semata-mata dalam kesesakan trafik.

47. PR-1523-L22686

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan agar pihak Kementerian melepaskan sebahagian tanah pihak Kementerian yang berada di Kundasang khususnya yang dirujuk dalam Warta Kerajaan Negeri Sabah 14 April 1977 No Pelan No.195 [No. MNR.112/320 Pelan No.06123388 (seluas 24.76) iaitu dengan memberikan seluas 2 ekar kepada pihak Polis Diraja Malaysia dan 2 ekar lagi kepada pihak bomba bagi membolehkan 2 badan Kerajaan ini membina balai polis dan balai bomba yang sangat diperlukan di kawasan ini.

48. PR-1523-L21295

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengikut pecahan bulan bilangan rel, muatan dan nilai pengangkutan rel antara Malaysia, Thailand, Laos dan China selepas dilancarkan pada awal April 2023.

49. PR-1523-L21699

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan senarai bantuan khusus untuk pekebun kecil (penoreh getah) dan perancangan Kerajaan negeri untuk membantu golongan ini terutama ketika musim hujan dan kejatuhan harga getah.

50. PR-1523-L22421

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan mengawal aktiviti mencampurkan minyak masak terpakai dengan minyak masak baru yang dipasarkan semula dan apakah tindakan undang-undang yang telah diambil.

51. PR-1523-L21948

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini perkembangan cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan yang berpotensi menjadi revolusi terhadap petugas kesihatan di Malaysia.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R. 31/2023 ) Rang Undang-undang Perbekalan 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"** ( 25 Oktober 2023 )

**DAN**

**Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-**

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh dua bilion ringgit (RM92,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2024, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 34 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."

**Menyambung semula perbahasan atas masalah ( 25 Oktober 2023 )**

2. ( D.R. 33/2023 ) Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"** ( 12 Oktober 2023 )

**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**

3. ( D.R. 25/2023 ) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 – **Bacaan Kali Yang Kedua**

Dan:

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor akan mencadangkan :

**"BAHAWA** Penyata yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR. 8 Tahun 2023 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60".

4. ( D.R. 26/2023 ) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[ Menteri Kesihatan ]**

5. PR-1523-U(27)278  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menangani isu gangguan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang kian meruncing susulan tindakan India menghentikan eksport beras putihnya ke pasaran.

Langkah penetapan had pembelian maksimum 100kg BPT untuk setiap individu dan syarikat bermula 7 September 2023 hanyalah penyelesaian yang bersifat sementara dan Kerajaan seharusnya mula merangka satu pelan yang lebih tuntas dalam usaha menjamin keterjaminan bekalan beras di Malaysia bagi jangka masa yang panjang.

Kerajaan perlu segera mewujudkan rangka tindakan yang lebih komprehensif bagi mengurangkan impak inflasi makanan global dari terus menghimpit rakyat negara ini khususnya berkaitan beras yang menjadi makanan ruji kita semua."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

6. PR-1523-U(27)279  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

7. PR-1523-U(27)280

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah-buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan.

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

8. PR-1523-U(27)281

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rate) bagi rakyat Malaysia terus meningkat.

Negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Hal Ini kerana peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas telah mencapai 7% daripada jumlah populasi. Trend ini menunjukkan peningkatan dalam dua tahun lalu pada kadar 0.2 peratus setahun di mana pada tahun 2022 sebanyak 7.2% dan dijangka pada tahun 2023 mencapai 7.4%.

Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah populasi. Peralihan ini tentunya memberikan kesan yang paling ketara iaitu kepada penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, kita perlu mencari jalan memperlahangkan proses penuaan ini. Proses penuaan ini tidak boleh dihalang atau diberhentikan tetapi kita perlu mempunyai pelan persediaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Jika kita teliti jumlah peratusan struktur umur penduduk yang berumur 0-14 tahun berlaku penurunan pada kadar 0.4% bagi 3 tahun iaitu ; tahun 2020 sebanyak 24%, 2021 sebanyak 23.6%, 2022 sebanyak 23.2%, dan 2023 sebanyak 22.6%.

Umum mengetahui negara-negara jiran dan serantau juga menghadapi perkara penurunan bagi jumlah kadar kesuburan, tetapi kadar tersebut agak perlahan penurunannya. Sehubungan itu, objektif kita agar dapat melandaikan graf penurunan ini bagi negara kita.

Persoalan saya, apakah kemampuan hospital Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan kesihatan reproduktif. Berapa jumlah Hospital yang menyediakan perkhidmatan IUI dan IVF. Berapa ramai doktor pakar reproduktif masih berkhidmat di hospital Kerajaan. Adakah harga perkhidmatan yang dikenakan mampu diakses oleh rakyat. Berapa jumlah makmal reproduktif.

Dewan Rakyat juga perlu mencadangkan agar Kerajaan menetapkan polisi yang mampan seperti fleksibel waktu bekerja, yuran pusat penjagaan kanak yang mampu bayar, perbanyakkan pusat asuhan ditempat kerja, dan *paternity leave* kepada ibu bapa yang bekerja untuk meringankan bebanan mereka dalam meningkatkan kadar reproduktif rakyat Malaysia. *Population Complexity* ini yang harus kita uruskan dengan penuh keberanian dan semua pihak kena bersama-sama."

### **[ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]**

#### **9. PR-1523-U(27)283**

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah Kertas Putih Imigresen yang membincangkan tentang kadar atau jumlah sebenar kemasukan pelawat asing ke negara Malaysia.

Perkara ini bertujuan untuk mengetahui pergerakan pelawat asing berkenaan sama ada mereka terus tinggal di Malaysia atau dalam satu tempoh tertentu. Menerusi ini kita akan mengetahui jumlah sebenar populasi rakyat di negara ini melalui pengenalpastian perbezaan antara jumlah Warganegara Malaysia, Jumlah Pelawat Asing yang masuk ke negara kita sebagai pekerja ataupun dengan tujuan melancong.

Hal ini, akan memudahkan Kerajaan untuk merangka dan melaksanakan pelbagai pelan inisiatif mahupun bantuan seperti subsidi bersasar dan lain-lain agar setiap pelaksanaan tersebut dinikmati oleh rakyat di negara kita."

### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

10. PR-1523-U(27)286

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa lebih 100,000 calon peperiksaan SPM pada tahun 2022 telah gagal dalam mata pelajaran dan sekaligus gagal mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menerima hakikat juga bahawa kegagalan dalam peperiksaan SPM ini mengakibatkan masa depan yang gelap kepada calon pada purata 70 ribu hingga 100 ribu setahun.

Menerima hakikat bahawa pelajar tercicir ini tidak ada lagi ruang untuk melanjutkan pelajaran maka segolongan pelajar tercicir ini akan menjadi kerugian dalam sumber tenaga kerja negara.

Dan menerima hakikat bahawa matlamat mendidik sebuah generasi pelajar untuk membina dan membangun negara kita telah gagal maka Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap masalah ini.

Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar silibus dan buku-buku teks Subjek Sejarah Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Tingkatan Lima hendaklah dikaji semula dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk mendapat pandangan daripada setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelusuk negara, dan pada masa yang sama Jemaah Kabinet hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kajian Semula Silibus dan Buku Teks Sejarah yang dianggotai oleh Menteri-Menteri yang mewakili Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan parti-parti politik yang menubuhkan Kerajaan Perpaduan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

11. PR-1523-U(27)287

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini Menerima hakikat bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan oleh Kerajaan suatu ketika dahulu telah berjaya membuat siasatan dan seterusnya telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini.

Dan menerima hakikat bahawa setelah sekian lama laporan tersebut telah gagal dilaksanakan dan mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar daripada rakyat Malaysia.

Menerima hakikat juga bahawa rakyat tertanya-tanya apakah yang telah terjadi dengan laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut.

Dan menerima hakikat bahawa kecelaruan urus tadbir Pendatang Tanpa Izin; Penduduk Asing di Sabah yang mempunyai Kad Pengenalan yang meragukan; Peningkatan Bilangan penduduk di Sabah Tanpa Kewarganegaraan ataupun *stateless children* dan kehadiran orang asing yang memegang dokumen IMM13 yang tidak ada halatuju.

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti dan mengkaji semula rekomendasi dan perakuan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin untuk merumuskan suatu Road Map penyelesaian tuntas terhadap masalah oleh empat kategori penduduk golongan pendatang asing di Sabah."

#### [ Menteri Dalam Negeri ]

12. PR-1523-U(27)290

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi. Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini. Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 dan M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan. Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

#### [ Menteri Pendidikan ]

13. PR-1523-U(27)291

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani serta menghentikan kes jenayah dera kanak-kanak di negara ini. Menteri Dalam Negeri pada 14 Mac 2023 melaporkan bahawa terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022. Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Kanak-kanak adalah masa depan negara. Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala, meneliti semula undang-undang serta garis panduan berkenaan penjagaan kanak-kanak, meningkatkan kesedaran masyarakat, dan lain-lain."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

14. PR-1523-U(27)292

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih pro-aktif dan efisyen bagi meningkatkan kesedaran, tindak balas, dan kerjasama masyarakat dalam menghadapi bencana alam. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara pada akhir tahun ini serta pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR). Inisiatif ini akan dapat meningkatkan kecekapan tindak balas bencana agensi-agensi berkaitan. Bagaimana pula dengan tindak balas masyarakat.

Apa yang telah dan sedang Kerajaan usahakan bagi memastikan rakyat bukan sahaja peka tetapi takut dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menguatkuasakan Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221 bawah seksyen 4 (C) di mana tindakan boleh diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada arahan pihak berkuasa contohnya arahan untuk berpindah dalam situasi banjir yang boleh membahayakan penduduk dan pada masa yang sama memberi risiko kepada penyelamat."

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1523-U(27)293

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara teperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

16. PR-1523-U(27)294

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

17. PR-1523-U(27)295

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendarangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

18. PR-1523-U(27)296

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

19. PR-1523-U(27)297

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMK-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu. Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

**[ Menteri Ekonomi ]**

20. PR-1523-U(27)298

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar '*rebranding*' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan

Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Perdana Menteri ]**

21. PR-1523-U(27)299

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

22. PR-1523-U(27)300

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiag siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1523-U(27)301

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidaklangsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

24. PR-1523-U(27)302

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

25. PR-1523-U(27)303

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

26. PR-1523-U(27)304

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

27. PR-1523-U(27)305

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan keluar dan masuk sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu. Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu. Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 26.10.2023 (Khamis)	1. YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman (Klang)	1. Lesen Import (AP) untuk Sisa Plastik	1. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
2. 26.10.2023 (Khamis)	2. YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman (Klang)	2. Isu Penguasaan Peniaga Warga Asing	2. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
3. 26.10.2023 (Khamis)	3. YB Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)	3. Beras Putih di Malaysia	3. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan
4. 26.10.2023 (Khamis)	4. YB Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)	4. Pendirian Terkini Malaysia dalam Krisis Palestin	4. YB Menteri Luar Negeri

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**